

Paras air menurun dengan ketara menimbulkan kebimbangan orang ramai.

Empangan Sungai Selangor kritikal

Hujan lebat namun paras air tidak meningkat

KUALA KUBU BHARU - Selepas lima hari meninjau paras Empangan Sungai Selangor di Kuala Kubu Bharu, semalam Gerakan Prihatin Rakyat Selangor (GPRS) sekali lagi ke sana untuk mengetahui keadaan semasa, memandangkan hujan lebat turun setiap hari di kawasan sekitar empangan sejak seminggu lalu.

Namun, keadaan tidak menunjukkan peningkatan paras air sejak lawatan pertama lalu.

Pengerusi GPRS, Datuk Sohaimi Shahadan berkata, agak menghairankan kerana sehingga hari ini, Kerajaan Negeri langsung tidak mengeluarkan kenyataan dan dalam masa yang sama, tidak membenarkan operator air Selangor untuk mengeluarkan sebarang kenyataan kepada umum berkenaan perkembangan semasa isu air di negeri ini.

"Selepas lawatan pertama lalu, kita nampak Kerajaan Negeri seolah-olah tidak mahu mengeluarkan kenyataan rasmi. Ini terbukti Kerajaan Negeri ini hanya mahu main politik sahaja, langsung tidak mahu memberikan kenyataan yang sebenar.

"Sebagai rakyat Negeri Selangor, kita juga nak minta Tan Sri Muhyiddin sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Air yang dibentuk untuk datang dan tengok sendiri keadaan ini, barangkali ada perkara-perkara baru yang boleh kita ambil penyelesaian," katanya kepada pemberita selepas melawat Empangan Sungai Selangor, petang semalam.

Katanya, walau hujan setiap hari tapi paras air masih juga tidak berganjak dan jika keadaan ini berterusan, isu air ini harus menjadi isu utama

untuk ditangani dan ia akan jadi masalah kepada rakyat negeri Selangor jika tiada tindakan awal dari sekarang.

"Kita patut belajar dari pengalaman dan kesilapan dulu, kita belajar pengalaman lalu apabila empangan ini diwujudkan selepas Selangor mengalami krisis air pada 1997, maka Sungai Selangor merupakan sungai terakhir, di mana empangan dibuat untuk penyelesaian di kawasan Hulu Selangor.

"Tapi di Selatan Selangor ada masalah pada masa depan, sepatutnya kita harus belajar dari pengalaman 1997-1998 ini untuk kita atasi segera, untuk kita satu perancangan jangka panjang, untuk penyelesaian masa depan. Jadi Kerajaan Negeri hari ini bukan sepatutnya mengambill sikap mendiamkan diri tetapi belajar dari pengalaman lalu," katanya.

Tambahnya, Kerajaan Negeri harus memberi kerjasama dalam menangani segera konflik ini.

"Empangan yang ada hari ini, cukup-cukup sahaja dengan rizab yang ada kita difahamkan bawah dua peratus dan ianya bukan jaminan dan sebagai bukti, kita lihat Empangan Sungai Selangor ini sahaja, walaupun hujan lebat setiap air tetapi empangan ini berada pada tahap kritikal.

"Kerajaan Negeri harus mengeluarkan kenyataan rasmi, berapa tahap kritikalnya, kandungan air kerana di bawah ini ada mendakan, dan bukannya buat kenyataan akan buat pembenihan awan kerana ini merupakan satu penyelesaian untuk jangka masa pendek sahaja," katanya.



KUALA LUMPUR, PUTRA JAYA

SUBUH	5:41
SYURUK	6:58
ZUHUR	1:01
ASAR	4:19
MAGHRIB	7:00
ISYAK	8:10

SABAK BERNAM, KLANG, KUALA SELANGOR, KUALA LANGAT

SUBUH	5:41
SYURUK	6:58
ZUHUR	1:01
ASAR	4:19
MAGHRIB	7:00
ISYAK	8:10

GOMBAK, HULU SELANGOR, RAWANG, HULU LANGAT, SEPANG, PETALING, SHAH ALAM

SUBUH	5:41
SYURUK	6:58
ZUHUR	1:01
ASAR	4:19
MAGHRIB	7:00
ISYAK	8:10